

12/10/2000

Maklumat ukur dari Internet

KUALA LUMPUR, Rabu - Orang ramai boleh mendapat maklumat ukur secara elektronik melalui Internet apabila dagangan elektronik (e-dagang) Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem) dilancarkan 24 Oktober ini.

Pelancaran projek e-dagang pertama sektor awam itu akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, berkata menerusi pelaksanaan projek itu, pelanggan boleh menggunakan dua cara pembayaran sama ada kad kredit atau perkhidmatan prabayar.

Beliau berkata, pembayaran menerusi kad kredit menggunakan protokol transaksi elektronik selamat (SET) atau protokol lapisan soket selamat (SSL) bagi memastikan keselamatan terjamin.

"Bagi perkhidmatan prabayar, pelanggan perlu mendaftar di mana-mana kaunter Jupem negeri dengan bayaran deposit minimum RM200.

"Antara produk jualan secara elektronik yang disediakan oleh Jupem ialah Data Ukur Kadaster Berdigit dan Imej Pelan Akui bagi tanah yang sudah diukur.

"Urusan bekalan produk itu dapat dibuat dengan cepat kepada pihak yang terbabit," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya di sini, hari ini.

(END)